

04 JUN 2003

Malaysia-Amerika (Bergambar)/I

USAHA DAMAI FILIPINA: AMERIKA TIDAK ADA HASRAT AMBILALIH

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Amerika Syarikat tidak berhasrat mengambilalih peranan Malaysia dalam proses perdamaian di selatan Filipina, kata Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie Huhtala hari ini.

Beliau berkata Washington masih melihat Kuala Lumpur memainkan peranan utama dalam perkara itu dan tidak akan membuat sebarang usaha bagi menyinggung Malaysia.

"Oleh kerana Malaysia memainkan peranan yang berguna sebagai orang tengah bagi perjanjian perdamaian di selatan Filipina...kami tidak bercadang melakukannya," kata Huhtala kepada pemberita selepas menghadiri ceramah "Reading of a Multicultural America" di Perpustakaan Negara di sini.

"Kami masih mendapati Malaysia memainkan peranan utama dan jika ada jalan untuk kami membantu secara tidak rasmi maka kami berminat untuk berbuat demikian," katanya.

Dua hari lepas, laporan Bernama dari Manila menyebut bahawa Amerika berminat menyelesaikan kebuntuan proses perdamaian di selatan Filipina.

Amerika dilaporkan berkata oleh kerana Malaysia sudah melibatkan diri dalam proses itu maka campurtangan Washington mungkin menyinggung Malaysia.

Malaysia sudah menganjurkan beberapa rundingan antara Manila dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) sejak beberapa tahun sehingga termenterainya perjanjian gencatan senjata.

Bagaimanapun, perjanjian itu terjejas berikutan tercetusnya pertempuran semula antara pihak tentera Filipina dan MNLF walaupun Kuala Lumpur cuba mengadakan semula dialog perdamaian bulan lepas.

Dalam perkembangan lain, Huhtala berkata kenyataan beliau mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika minggu lepas telah dipetik di luar konteks.

"Saya tidak kata hubungan kita berada di tahap yang paling rendah. Saya fikir kenyataan saya itu dipetik di luar konteks dan sedikit diperbesarkan," katanya.

Huhtala dipetik sebagai berkata hubungan di kalangan negara Asia Tenggara akan menjunam jika pemimpin-pemimpin di rantau ini menghentikan kadangkala kritikan yang menyerang dasar luar Washington.

Komen Huhtala ketika berucapa di sebuah forum perniagaan pada 23 Mei itu disiarkan di laman web kedutaan pada 28 Mei. Bagaimanapun, kenyataan itu tidak merujuk khusus kepada Malaysia atau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia bersuara lantang terhadap dasar luar Amerika khususnya pencerobohan sendiriannya ke atas Iraq pada Mac lepas.

Menurut Huhtala, Washington dan Kuala Lumpur menikmati "hubungan yang sangat baik dan kukuh" dan beliau hanya cuba meningkatkannya.

"Apa yang saya katakan, kita menghadapi beberapa masalah pada masa lalu dan kita memberi perhatian terhadap cara untuk memperbaikinya. Pada hal, hubungan itu baik sekali dan kukuh jadi saya cuba mencari jalan dengan mengemukakan hujah-hujah membina bagi menjadikannya lebih baik.

"Saya fikir anda melihat bagaimana pertemuan kedua-dua pemimpin itu di Evian, Perancis dan ianya adalah hubungan yang baik dan bukan seburuk seperti yang difikirkan oleh golongan tertentu," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan pertemuannya dengan Presiden George W. Bush sebagai mesra pada Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di Evian, Perancis.

-- BERNAMA  
RV KHY DC RON